

24/06/2001

Umno perlu strategi pantas menjelang 2004

Syed Akbar Ali

UMNO tidak mempunyai tandingan sebagai parti yang memperjuang dan menjaga kepentingan orang Melayu. Tidak perlu kita ulang lagi kemunculan orang Melayu yang berpelajaran tinggi dan profesional yang bilangan mereka makin meningkat setiap hari.

Dari Kampung Batu 13 di Besut sehingga Tanjung Piai di Johor, hampir setiap rumah kampung mempunyai kereta atau dua biji motosikal. Semua ini adalah kejayaan Umno juga.

Umno juga tidak mempunyai tanding sebagai sebuah parti yang membawa kemajuan kepada negara. Pertubuhan Negara Islam atau OIC mengiktiraf kemajuan yang dicapai Malaysia sebagai kemenangan untuk Islam, bukan kerana kita mempunyai banyak masjid dan surau saja tetapi oleh kerana Malaysia sebuah negara Islam yang unggul dalam dunia yang menjejak kemajuan sama taraf dengan negara maju.

Malahan kaum lain di negara ini terutama sekali Cina bersyukur kerana sebagai tonggak kerajaan BN, Umno berjaya kekalkan keamanan dan meningkatkan kekayaan dan taraf hidup semua kaum. Sebagai contohnya peniaga emas kaum Cina laris menjual loket emas yang mempunyai ukiran Menara Kembar KLCC. Menara Kembar KLCC menjadi lambang kemajuan dan pemodenan. Disebabkan ramai orang Cina percaya kepada feng shui mereka yakin loket emas yang membawa ukiran bangunan yang tertinggi di dunia akan juga membawa tuah kepada mereka. Begitu juga mengikut seorang sahabat Cina, ramai orang Cina merebut peluang untuk bersalam dengan Dr Mahathir ketika Perdana Menteri mengadakan rumah terbuka kerana mereka percaya bersalam dengan beliau akan membawa berkat.

Sesetengah orang percaya ada berkat juga berpeluk dengan orang yang pulang dari Makkah.

Inilah antara pencapaian dan kejayaan yang menyumbang kepada kekuatan Umno sejak tahun 1946. Persepsi bahawa Umno menjadi lemah sebenarnya satu persepsi pesimis yang direka oleh pembangkang tanpa asas yang kukuh. Tetapi masalahnya jika persepsi pesimis ini tidak dipulihkan, terutama pada pandangan ahli Umno sendiri, kemungkinannya persepsi pesimis boleh bertukar menjadi kenyataan.

Persepsi Umno sebagai sebuah parti yang lemah timbul setelah Umno mengalami sedikit kekalahan pada pilihan raya ekor daripada pemecatan Anwar Ibrahim daripada parti.

Parti pembangkang terutama sekali Pas mengeksploitasi keadaan itu dan terus membarakan isu Anwar dalam ingatan pengundi Melayu.

Umno mempunyai hampir tiga juta ahli. Ini adalah satu bilangan ahli yang cukup besar dan menjadi satu sumber kekuatan untuk melawan sebarang cabaran daripada luar parti.

Umno mesti patuh saranan presiden kepada Pemuda Umno untuk menambahkan lagi bilangan ahli parti. Sekiranya setiap ahli berjaya menarik seorang ahli baru, Umno akan mempunyai enam juta ahli.

Jauh sebelum pilihan raya 2004 tiba, Umno mesti aturkan strategi yang pantas dan kukuh untuk meningkatkan perpaduan dan kekuatan dalam parti secara berlipat kali ganda. Tiga juta ahli bermaksud Umno sudah meraih tiga juta undi dalam pilihan raya. Tiga juta ahli yang bergerak dengan satu hati dan tekad yang padu tidak boleh tewas kepada sesiapa pun. Tiga juta ahli yang bersemangat boleh mematahkan semua helah dan penipuan pihak pembangkang.

Ahli Umno mesti sedar bahawa Keadilan makin lama makin malap. Selepas

pejuang jalanannya 'mengambil cuti', parti itu seolah-olah hilang pedoman. Semuanya jadi senyap. Ini membuktikan perjuangan jalanan parti itu. Parti Keadilan sebenarnya menjadi parti daun kari untuk Pas dan DAP. Politik oportunistis dubuk yang diamalkan Pas eksploitasi semangat gerombolan jalan raya untuk kepentingan mereka saja. Pas sebenarnya tidak perlu kepada Keadilan. Mukhtar Pas yang baru lepas tidak setuju Anwar dicalonkan sebagai perdana menteri pakatan pembangkang. Apabila lauk sudah jadi, daun kari dibuang saja.

Begitu juga hampir setiap hari DAP dapat melihat Pas sebenarnya tidak peduli kepentingan atau pendapat DAP. Pas mengancam untuk menutup Genting Highlands sekiranya mereka menang di Pahang. DAP tidak senangi kenyataan seperti ini kerana ramai pengunjung ke Genting Highlands adalah penyokongnya. Walaupun ramai ahli DAP benci kepada Pas, Lim Kit Siang pula tidak mahu memutuskan perhubungan dengan Pas.

Kit Siang sebenarnya mimpikan satu keadaan di mana bilangan kerusi yang disandang Pas atau Keadilan tidak cukup untuk membentuk kerajaan kecuali dicampur dengan kerusi yang dipegang DAP. Oleh itu DAP akan menjadi king maker atau penentu nasib orang Melayu kerana DAP boleh lagakan antara Pas dan Keadilan untuk jawatan perdana menteri. Lim Kit Siang pula akan minta jawatan Ketua Menteri, Menteri Kabinet dan sebagainya.

Masalah bagi DAP ialah sokongan kaum Cina terhadap DAP makin lama makin tipis. Buat kali pertamanya Kit Siang dan Karpal Singh tewas semua kerusi yang ditandingi mereka. Orang Cina tidak suka melihat DAP bersekongkol dengan Pas. Keadilan pula adalah parti cendawan yang tidak berbeza daripada parti serpihan Semangat 46 dulu yang mana ramai ahlinya telah menyertai semula Umno apabila berkempen dengan bersungguh untuk memujuk mereka kembali.

Semua ini adalah percaturan politik yang berpotensi membawa retak kepada pakatan pembangkang. Kelemahan yang sebenarnya yang ada kepada parti pembangkang ialah mereka tidak mempunyai agenda atau falsafah yang kukuh untuk membangunkan negara selain daripada menjaga kepentingan diri.

Keadilan menyatakan dengan lantang bahawa tujuan mereka adalah untuk membela nasib seorang. Mereka amat perlu kepada kaki lima dan jalan raya untuk mencapai tujuan ini. DAP masih pekat perjuangkan isu sekolah Cina, tuntutan gabungan Cina Suqiu dan sekarang ini isu akhbar Cina.

Kelemahan sebenarnya berada pada pihak pembangkang dan bukan dengan Umno. Oleh itu semua ahli Umno perlu bangkit dan menempeleng penipuan dan helah parti pembangkang dengan lantang dan berani.

Jangan sekali pun Umno fikir bahawa cara untuk mengatasi penipuan Pas adalah dengan menonjolkan satu imej keagamaan untuk menandingi Pas. Malangnya pada Perhimpunan Agung Umno ini terdengar juga perwakilan Pemuda yang menggunakan ungkapan Arab untuk menonjolkan imej Arab. Tidak salah kita membaca kalimah Allah dalam bahasa Arab, tetapi penggunaan bahasa Arab, pakaian Arab dan ciri kebudayaan Arab adalah taktik Pas untuk memukau penyokong mereka. Pemuda dan Umno keseluruhannya harus faham bahawa untuk memerangi taktik Arab Pas ini, jangan pula Umno cuba menjadi lebih Arab daripada Pas.

Itu adalah satu langkah yang silap. Tidak perlulah digunakan ungkapan seperti al adabul ikhtilaf, wasilah dan sebagainya.

Firman Allah bermaksud, "Dan daripada ayat-ayat-Nya ialah ciptaan langit dan bumi, dan perbezaan dalam bahasa kamu, dan warna. Sesungguhnya pada yang demikian itu adalah -ayat bagi orang-orang yang tahu." - Surah 30:22.

Maha Suci Allah sempurnakan penciptaan manusia dengan bahasa dan warna kulitnya yang berbeza-beza. Bagi mereka yang berakal, semua ini menjadi tanda kebesaran Allah. Bagi mereka yang tidak mahu ingkar ayat Quran, mereka mesti faham bahasa Melayu sama tarafnya dengan semua bahasa lain ciptaan Allah.

Firman Allah juga bermaksud: "Orang Arab lebih sangat dalam kekafiran dan kemunafikan (al araabu asyaddu kufran wa nifaaqan) dan lebih wajar untuk tidak mengetahui had yang Allah menurunkan kepada rasul-Nya; dan Allah Mengetahui lagi Bijaksana." Surah 9:97.

Tetapi orang Arab yang begitu kafir dan munafik pun boleh terima Islam. Begitu juga kaum Cina, Melayu, Afghanistan semuanya diislamkan, tidak kira bahasa atau warna kulitnya. Pokoknya ajaran Allah dan Rasul-Nya bertujuan mengislamkan manusia dan bukan untuk mengarabkan mereka.

Malang sekali Pas kurang yakin dengan bahasa dan budaya bangsanya sendiri. Mereka mengharamkan dikir barat dan wayang kulit di negeri mereka sendiri.

Mereka lebih suka menjadi Arab kerdil atau Arab ciplak dengan ungkapan Arabnya, pakaian padang pasir dan budaya peminjaman Arab.

Nasharudin Isa, Setiausaha Agung Pas bukan saja berbangga dia lebih pandai membaca doa dalam bahasa Arab tetapi beliau juga ketawakan orang yang membaca doa dalam bahasa ibundanya. Kejahilan Pas tidak ada hadnya.

Disebabkan inferiority complex terhadap bahasa dan budaya bangsa ini, maka tidak mustahil apabila Fadhil Noor, Presiden Pas sanggup membelanjakan berpuluh ribu ringgit wang penyokong Pas untuk tambang kapal terbang dan belanja hotel untuk bertemu Menteri Luar Australia, Michael Downer. Presiden Pas yang kononnya Islam mengharap kepada Downer, yang jelas sekali bukan Islam, sebagai tempat mengadu.

Untuk mempertahankan perbuatan haprak ini Presiden Pas memberi jawapan yang sungguh dangkal bahawa sebagai pemimpin pembangkang beliau berhak melaporkan tentang hal dalaman negara kita kepada mana-mana pemimpin dunia. Soalannya sejak bila Downer menjadi pemimpin dunia? Downer hanya Menteri Luar dan bukan Perdana Menteri Australia. Lagi pun Australia bukan sebuah negara kuasa besar. Hampir keseluruhan ahli Pas tidak tahu pun nama Perdana Menteri Australia. Ia cuma sebuah negara yang banyak menternak kambing biri-biri. Jika sebuah negara yang menternak kambing biri-biri dianggap pemimpin dunia, mengapa Fadhil tidak mengadu kepada Argentina pula, yang banyak menternak lembu dan kuda? Sudah tentu lembu dan kuda adalah haiwan yang lebih besar daripada kambing biri-biri.

Ahli Umno perlu sedar bahawa inilah kaliber penipu pembangkang yang menentang perjuangan Umno selama 55 tahun yang telah membina sebuah negara yang maju dan mampu bersaing dengan negara lain di dunia.

Umno juga adalah tonggak kerajaan yang telah membina universiti, kolej dan beribu-ribu sekolah, asrama, sekolah teknik dan sekolah vokasional yang menghasilkan beratus ribu graduan Bumiputera yang sekarang menjadi penyumbang utama kepada kemajuan negara kita juga.

Tidak ada contoh negara Islam yang lain yang telah berjaya membangun dengan begitu pesat dalam masa yang begitu singkat. Semua negara yang kononnya Islam dalam dunia ini seperti Iran, Afghanistan, Pakistan, Sudan dan sebagainya sebenarnya menghadapi berbagai-bagai jenis kebuntuan untuk membangunkan negara mereka.

Semua negara ini menghadapi masalah demonstrasi jalan raya, bunuh membunuh, keganasan dan memberontak. Lazimnya masalah dalaman wujud disebabkan ulama yang menipu rakyat dengan fitnah, pembohongan dan janji palsu atau janji yang hanya membawa kerugian.

Di negara kita, Hadi Awang berjanji untuk menghapuskan cukai pintu di Terengganu jika Pas menang pilihan raya. Beliau membuat janji seperti itu kerana beliau tidak sangka untuk menang pilihan raya. Tetapi apabila menang, Hadi mendapati bahawa tanpa memungut cukai pintu Majlis Perbandaran Kuala Terengganu menghadapi kerumitan membuat kerja pembangunan dan pengurusan.

Nik Aziz pula mempunyai idea tersendiri tentang kaum wanita iaitu wanita cantik jangan diberi keutamaan dalam pekerjaan, suara wanita itu aurat

(mungkin edisi terkini suara wanita bukan aurat lagi), wanita dalam "usia unsur fitnah" jangan jadi wakil rakyat dan kekalutan yang lain seperti ini. Inilah bakat ulama yang berharap untuk memerintah negara kita. Semoga Allah akan menyelamatkan negara kita daripada gerombolan ini.

Seperti mana tiada bumi yang tidak kena hujan, begitu juga tiada parti yang terlepas daripada masalah. Tetapi semua ahli Umno perlu hayati kedudukan dan perjuangan Umno yang sebenarnya yang telah berjaya membangunkan negara kita dengan begitu pesat dan juga menjaga kepentingan orang Melayu dengan berjaya. Masalah kecil jangan menjadi penghalang kepada visi dan tanggungjawab yang lebih besar yang mesti dijunjung oleh semua ahli Umno.

Setiap ahli perlu berdiri teguh untuk menentang samseng kaki lima, puak chauvinis dan ulama yang bergabung dalam satu pakatan sumbang yang hanya akan membawa kehancuran kepada negara dan bangsa kita.

(END)